

# **Jejak Intelektual dan Pemikiran Akidah Muhammad Uthman El-Muhammady**

Mohd Ammyrul Ashraf Sairan<sup>1\*</sup>, Shukri Ahmad<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Science  
Universiti Utara Malaysia, 06100 Sintok Kedah, Malaysia

<sup>2</sup>Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah  
Universiti Utara Malaysia, 06100 Sintok Kedah, Malaysia

\*Pengarang Penghubung  
ammyashraf@ymail.com

## **ABSTRAK**

Muhammad Uthman El-Muhammady merupakan nama besar dalam tokoh pemikiran Islam Malaysia. Beliau terkenal dengan gelaran intelektual Islam kontemporari. Penulisan ini membincangkan pemikiran akidah beliau yang melibatkan wacana arus perdana iaitu aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Dengan mengupas perbincangan berkaitan bingkai pemikiran arus perdana, ad-din dan Ruhaniyyah Ahli Sunnah Wal-Jamaah telah dianggap memadai bagi mewakili pemikiran akidah beliau. Hasil kajian mendapati beliau adalah pejuang tegar aliran arus perdana dalam kalangan ilmuwan Nusantara. Beliau merungkai penyelesaian dengan cara yang bijaksana menerusi ajaran al-Quran, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas. Pencerahan sahih dan jelas dapat menghindarkan seseorang Muslim dari terpengaruh dengan pemikiran agama dan falsafah moden. Hasilnya, keperibadian dan keintelektualan dalam pemikiran akidah yang di tonjolkan beliau adalah bersifat tradisional dan menolak akan konsep akhlak dan akidah pascamodenisme.

**Kata kunci:** Pemikiran akidah, Muhammad Uthman El-Muhammady, Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Intelektual

## **ABSTRACT**

Muhammad Uthman El-Muhammady is a famous Muslim thinker in Malaysia. He is known as a contemporary Islamic intellectual. This paper discussed his theological thought that relates to the mainstream discourse of the Ahli Sunnah Wal-Jamaah. It also discussed the mainstream philosophy, ad-din, and Ruhaniyyah of Sunnah Wal-Jamaah's framework to represent his thought. The findings show that Muhammad Uthman El-Muhammady was known as a diehard of Sunnah Wal-Jamaah. He handled any religious issues based on the teaching of the Quran, al-Sunnah, Ijma, and Qiyas. A clear and accurate explanation may

avoid Muslims from being influenced by modern religious thought and philosophy. As a result, his personality and intellectuality are considered as traditional. He rejected the concept of post-modern morality and theology.

**Keyword:** Aqidah thought, Muhammad Uthman El-Muhammady, Ahl Sunnah wal-Jamaah, Intellectual

## 1. Pengenalan

Uthman El-Muhammady dalam kalangan umat Islam di Malaysia khususnya terkenal sebagai pendakwah yang berpendirian kepada aliran arus perdana, yakni pemikiran aliran Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Beliau seorang yang berpegang teguh kepada mazhab al-Syafie, yang telah menjadi mazhab utama umat Islam di Malaysia dan merupakan tempat rujukan di kalangan umat Islam dalam pelbagai permasalahan agama, yang tidak terhad kepada perkara berkaitan fiqh semata-mata. Antara permasalahan semasa yang mendapat perhatiannya adalah perkara berkaitan akidah di abad mutaakhir ini. Hal ini kerana beliau dapat menguasai perbincangan berkaitan ilmu Kalam dan berpandangan bahawa perbincangan berkenaan ilmu Kalam tidak mempunyai penghujungnya.

Penulisan Uthman El-Muhammady yang banyak dijadikan sandaran dan rujukan penting bagi menghasilkan artikel ini adalah “*Al-Firqah Al-Najiyah* Epistemologi Aqidah Golongan Yang Berjaya”, “Akhlaq dalam Islam mendepani abad ke-22” dan “*Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama’ah* Sebuah Huraian dan Perspektif Sejarah dan Konsep”. Usaha bagi mengkaji pemikiran akidah Uthman El-Muhammady menjadi begitu penting lantaran dewasa ini banyak berlaku kecelaruan di kalangan masyarakat Islam Malaysia dalam menghayati akidah mereka. Sungguhpun sudah sekian lama falsafah Ahli Sunnah Wal Jamaah menjadi pedoman, namun masyarakat Islam di Malaysia khususnya di Semenanjung tidak begitu mengetahui atau didedahkan dengan akidah sebenar aliran falsafah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Hal ini berikutan akidah Imam al-Syafie dan juga para imam mazhab fiqh yang lain; Maliki, Hambali dan Hanafi kurang dibicarakan dalam kalangan umat Islam tempatan terutamanya golongan awam.

Persoalan tentang pemikiran akidah Uthman El-Muhammady lebih dirasakan keperluannya apabila didapati bahawa terdapat persamaan riwayat hidupnya dengan Imam al-Ghazali dalam fasa-fasa kehidupan keintelektualan (Mohd Amin, 2017). Tentu sahaja dalam rentetan

hidupnya Uthman El-Muhammady sudah berbaur dengan aliran-aliran seperti Syiah, Mutazilah, serta pemikiran-pemikiran barat seperti Liberalisme dan Pascamodenisme. Justeru, tidak mustahil dalam masa tersebut Uthman El-Muhammady turut terlibat dalam perdebatan berkenaan persoalan akidah dengan aliran-aliran yang telah wujud. Di tengah-tengah perdebatan, lazimnya akan timbul prinsip-prinsip pegangan akidah dari setiap pihak yang terlibat. Maka, hal ini tentu sahaja akan menarik untuk dikaji tentang pemikiran dan pegangan akidah sebenar Uthman El-Muhammady.

## **2. Biografi Muhammad Uthman El-Muhammady**

Sebagai salah seorang daripada intelektual Islam di Malaysia, pengkajian dan penghuraian berkenaan riwayat hidup beliau secara terperinci amatlah diperlukan. Sungguhpun begitu, kajian berkaitan biografi di artikel ini hanya menjelaskan dan menyusuri kehidupan Uthman El-Muhammady yang mendorong beliau terlibat dalam bidang akidah.

Nama sebenar beliau adalah, Muhammad Uthman bin Mohammad bin Musa (Abdul Halim, 2017). Tokoh intelektual ini telah dilahirkan pada 9 Februari 1943 dalam sebuah keluarga sederhana yang berlatarbelakangkan pertanian di Kampung Telok Panji, Kota Bharu di Kelantan. Bapa beliau seorang petani dan pengamal perubatan kampung (Asma, 2017), telah mengahwini ibunya, Mek Wok binti Awang Long (Mariam, 2017). Mereka telah di kurniakan 4 orang cahaya mata iaitu Muhammad Uthman, Abdul Halim, Kalsum dan Maimunah @ Rapih (Mariam, 2017). Masyarakat beranggapan Uthman El-Muhammady datang daripada keluarga Arab berikutan istilah 'El-Muhammady'. Istilah itu digunakan sebagai tanda nama keluarga (Ahmad, 2017). Perkampungan Telok Panji ini dikelilingi oleh unsur-unsur keagamaan berikutan kewujudan pondok Allahyarham Tuan Guru Haji Muhammad Idris atau di kenali dengan gelaran Tuan Guru Haji Muhammad al-Bukhari.

Uthman El-Muhammady telah mendirikan rumah tangga pada 1966 bersama Mariam bt. Husain. Hasil daripada pernikahan, beliau di kurniakan 14 orang cahaya mata. Anak-anak beliau adalah Khalidah, Muhammad Solah, Halim, Nabliah, Hakimah, Aishah, Fatimah, Asma, Ahmad, Khadijah, Muhammad Khalid dan Hafsah (Asma, 2017). Dua orang cahaya mata lagi telah meninggal dunia (Mariam, 2017). Sungguhpun beliau adalah seorang yang sibuk dengan aktiviti dakwah, beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya sebagai seorang

ayah dan ketua keluarga. Kesemua anak-anak beliau diberikan didikan agama dengan cara beliau sendiri yang mengajar dan mendidik mereka di rumah. Sungguhpun terdapat di antara anak-anak beliau yang tidak mendapat pendidikan berbentuk akademik yang formal, tetapi kesemua mereka telah di didik oleh Uthman El-Muhammady dengan ilmu agama serta mampu untuk membimbing diri dan keluarga mereka (Mariam, 2017).

Di peringkat awal, Uthman El-Muhammady sudah pun mula diberi pendedahan berkenaan pengenalan terhadap dasar-dasar akidah Islam, dasar ibadatnya dan juga dasar kesusilaannya. Selain daripada pendidikan agama di rumah, beliau juga menuntut di pondok yang diterajui oleh Lebai Yusof bin Awang yang turut dikenali sebagai Tok Jawi yang mendidik dan mengajarnya bacaan al-Quran dan tajwid serta dasar-dasar Islam dan permasalahan kesusilaan (Abdul Halim, 2017). Uthman El-Muhammady turut didedahkan dengan teks-teks kitab jawi daripada pengarang-pengarang tersohor seperti Syeikh Daud al-Fatani, Syeikh Ismail al-Fatani dan ulama-ulama lain yang terdiri daripada kalangan al-Fatani. Pendidikan awal di rumah ini berlangsung sehinggalah beliau berusia kira-kira dua belas tahun (Lotfi, 1976).

Uthman El-Muhammady seperti kanak-kanak yang lain seusia dengannya mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Rambutan Rendang, daerah Panji, Kota Bharu. Beliau lazimnya berjalan kaki dari rumah ke sekolah yang jaraknya satu batu setengah (Abdul Halim, 2017). Menerusi sistem pendidikan beraliran Melayu inilah Uthman El-Muhammady mula mendapatkan pendidikan asas seperti membaca, menulis dan mengira. Beliau tergolong di antara pelajar yang cemerlang dan mampu untuk menguasai pembelajaran asas dengan baik. Hal ini terbukti apabila beliau sering mendapat kedudukan nombor pertama, namun ada kalanya beliau turut gagal namun tidak pula melebihi nombor sepuluh (Abdul Halim, 2017). Pada kebiasaannya, selepas pulang sahaja daripada sekolah El-Muhammady akan menghabiskan masanya dengan mengulang kaji pelajaran di rumah ataupun pergi mengaji al-Quran. Sejak di bangku sekolah rendah lagi beliau sudah pun mula minat dan berjinak-jinak dengan kitab jawi walaupun masih belum mengaji dan terdidik dengan pengajian kitab. Beliau juga seorang yang gemar membaca (Mohd Kamal, 2017). Di sebabkan minatnya yang mendalam terhadap bacaan, terdapat beberapa buah buku darjah dua telah pun habis dibaca secara berulang-ulang sehingga dihafal, berikutan pada ketika itu tiada bahan bacaan baru untuk di baca (Ummi & Muhammad, 2015).

Pada tahun 1955, Uthman El-Muhammady telah meneruskan pembelajarannya ke sekolah Inggeris dengan memasuki *Special Malay Class* di Sekolah Sultan Ismail, Kota Bharu, yang kemudiannya telah bertukar kepada Maktab Sultan Ismail (*Sultan Ismail College*) (Ahmad, 2017). Mata pelajaran seperti agama, sejarah dan bahasa Melayu adalah antara mata pelajaran yang beliau minat untuk mempelajari. Sungguhpun begitu, perkara yang menarik minat beliau adalah mendalami buku-buku falsafah sama ada buku falsafah Islam mahupun falsafah barat (Mohd Kamal, 2017). Ketika di Maktab Sultan Ismail, Uthman El-Muhammady pada waktu ini sudah pun mula membaca dan menanam minat terhadap karya-karya berat berbetuk falsafah seperti penulisan karya barat daripada Plato, Aristotle dan sebagainya. Minat membacanya itu hadir menerusi pergaulan dengan rakan-rakan bukan Melayu dan akhirnya beliau terikut-ikut dengan kebiasaan dalam membaca (Abdul Halim, 2017). Justeru beliau mula menghasilkan penulisan tentang perkara-perkara yang beliau pelajari dari pembacaannya. Hasil daripada penulisan ini, kemudiannya akan di cetak bagi pameran di kawasan persekolahan serta di terbitkan dan di muatkan dalam majalah sekolah (Lotfi, 1976). Uthman El-Muhammady juga turut mengambil bahagian dalam pertandingan bahas berbahasa Inggeris. Walaupun pertandingan bahas tersebut hanya menampilkan beliau sebagai *floor speaker*, namun keberanian dan kemampuan berbicara di dalam bahasa Inggeris pada peringkat tersebut sangatlah mengagumkan.

Uthman El-Muhammady meneruskan pengajiannya ke peringkat menengah atas di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar, Kedah (Ismail Mina, 2014). Beliau pernah berbasikal dari Kota Bahru ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan bandar-bandar besar di Tanah Melayu dengan tujuan bagi mencari buku dan karya berkenaan Muhammad Iqbal bersama teman baiknya Ibrahim Ya'acob. Minat yang mendalam terhadap Muhammad Iqbal, telah membuatkan beliau sanggup berbasikal sejauh kira-kira 1,000 kilometer (Mohd Kamal, 2017). Hal ini kerana pada pandangannya, orang yang benar-benar memahami tentang Islam adalah Muhammad Iqbal seorang sasterawan dan pemikir Pakistan. Sikapnya itu telah membuktikan bahawa beliau adalah seorang yang mempunyai keazaman yang tinggi dan berpendirian tegas terhadap ilmu. Pengajian Uthman El-Muhammady dalam menimba ilmu di Kolej ini berlangsung sehingga tahun 1962 dan beliau telah berjaya menamatkan pengajiannya setelah lulus peperiksaan *High School Certificate* (HSC) (Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2015).

Setelah tamat pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Islam pada tahun 1966, Uthman El-Muhammady kemudiannya telah menyambung pengajiannya dalam jurusan Sarjana Sastera di dalam bidang pengajian Islam di Universiti Malaya dan pada masa yang sama beliau menjawat jawatan sebagai tutor di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya. Setelah berjaya menamatkan pengajian beliau di peringkat Ijazah Sarjana, beliau menyambung perkhidmatan beliau sebagai pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya dari tahun 1969 sehingga 1973 (Mohd Nasir, 2006). Bagi meneruskan cita-cita beliau dalam membantu masyarakat Islam terutama mahasiswa menerusi dakwah agama, Uthman El-Muhammady, Abdul Ahad dan beberapa orang rakan yang seangkatan dengan beliau telah menubuhkan sebuah pertubuhan dakwah yang diberi nama *Al-Rahmaniah* (Mohd Kamal, 2017).

Menerusi keaktifan dan gerak-kerja yang diwujudkan oleh pertubuhan ini, beliau telah menyalurkan idea-ideanya menerusi penulisan dan menerbitkan rencana tentang Islam bagi dimuatkan dalam majalah *An-Nur* dan *Suara Ar-Rahmaniah* yang diterbitkan secara berkala oleh pertubuhan *al-Rahmaniah* (Zulkifli, 2008). Bagi mempertingkatkan lagi usaha dakwah, Uthman El-Muhammady telah meletakkan jawatan sebagai tenaga pengajar di Universiti Malaya (Mohd Nasir, 2006). Pada pandangan beliau, dari sudut jangka panjang program berbentuk syarahan dan ceramah tidak cukup dan memadai, justeru satu program bersifat pembinaan diri melalui amalan-amalan Islamiah haruslah di praktik. Selain itu, beliau juga ingin memfokuskan kepada minatnya iaitu penulisan dalam bidang agama. Oleh itu, beliau dan ahli keluarganya pulang ke kampung halaman di Kelantan dan mendiamkan diri daripada pertubuhan *Al-Rahmaniah* (Zakaria, 2014).

Sepanjang penglibatan dakwah beliau di Kelantan, terdapat pihak tertentu melihat keupayaan dan keistimewaan Uthman El-Muhammady sebagai ilmuan yang harus dimanfaatkan ilmunya. Oleh itu, pada tahun 2003, Uthman El-Muhammady telah di kunjungi oleh pegawai dari UIAM. Mereka menjemput dan menawarkan beliau untuk berkhidmat sebagai pensyarah di Ibu Kota, Kuala Lumpur. Justeru, beliau mengambil keputusan untuk kembali berhijrah ke Kuala Lumpur dan menerima jemputan bagi berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan telah dilantik sebagai Fellow Amat Utama Akademik di *International Institute of Islamic Thought and Civilization* (ISTAC) (Mariam, 2017).

### 3. Pemikiran dan Pandangan Akidah Uthman El-Muhammady

#### 3.1. Bingkai Pemikiran Arus Perdana

Islam telah diisytiharkan sebagai agama Persekutuan dan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah menjadi pegangan seluruh masyarakat Islam di Malaysia (Shakila *et al*, 2011). Uthman El-Muhammady merupakan salah seorang ulama dan intelektual Ahli Sunnah Wal-Jamaah kontemporari di Malaysia (Imlan, 2013). Pola pemikiran El-Muhammady terbina daripada konsep, struktur dan sistem ajaran daripada Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang sentiasa berpaksikan kepada nas-nas Al-Quran, sunnah, ijmak serta beberapa prinsip lain seperti *al-mashalih al-mursalah* dan sebagainya (Ismail Mina, 2017:2). Beliau juga seorang yang berpegang teguh kepada semua prinsip Islam seperti yang terkandung di dalam Aqidah Usuludin, Syariat, hukum-hakam fiqh terutamanya di dalam Mazhab Imam Al-Syafie. Teks dan kitab agama yang menjadi bahan bacaan dan pegangannya juga kebanyakannya hasil daripada karangan ulama dan pemikir Ahli Sunnah Wal-Jamaah (Kamal Hasan, 2017).

Pada pandangan beliau, Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah kelompok yang berpegang kepada ajaran Rasulullah S.A.W dari turun-temurun berserta dengan disiplin ilmunya yang tersendiri (Muhammad Uthman, 2002). Justeru, beliau menyarankan agar pegangan Ahli Sunnah Wal-Jamaah ini harus dijaga dan diamalkan terutama dalam memerangi idealisme baru yang cuba untuk menggoyahkan aqidah dan pegangan Islamiah masyarakat Muslim (Abdul Aziz, 1997). Uthman El-Muhammady (2008) sentiasa berkeyakinan bahawa, hanya ajaran yang terkandung di dalam wacana Ahli Sunnah Wal-Jamaah adalah suci, benar dan di terima Allah SWT kerana mengandungi firman Allah SWT di dalam al-Quran dan sabda Nabi Muhammad S.A.W. Uthman El-Muhammady (2007) juga sering mengkritik keras bahkan menolak penggunaan akal tanpa panduan daripada prinsip-prinsip al-Quran, sunah, qiyas dan ijmak.

Sebagai seorang intelektual yang berpegang kepada falsafah Ahli Sunnah Wal-Jamaah, Uthman El-Muhammady sentiasa menghormati dan menjunjung tinggi akan autoriti keagamaan. Justeru, beliau sentiasa terikat dengan gaya pemikiran, perlakuan dan ajaran *Salaf al-Salih*. Beliau sentiasa mengintegrasikan akal dan ilmu yang diperolehnya di dalam kita-kitab ulama klasik bagi benar-benar memahami akan nas-nas al-Quran, sunah, qiyas dan juga ijmak atau memandu akal dan buah fikirannya ke arah prinsip-prinsip tersebut (Ummi & Muhammad, 2017). Kebiasaannya, beliau tidak akan membina sesuatu konsep atau idea yang

baru atau *original* di dalam pemikiran falsafah agama Islam, seperti yang sering beliau peringatkan kepada umum (Muhammad Uthman, 2014).

Dalam konteks kontemporari di alam Melayu, Uthman El-Muhammady adalah seorang tokoh yang mewakili falsafah pemikiran Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang hidup dalam *living islamic intellectual tradition*, yang sering merungkai akan permasalahan dan kemelut pemikiran dalam isu-isu kontemporari Malaysia dengan baik dan jelas serta terarah, sama ada yang tercetus daripada sumber dalam seperti religio-politik domestik semasa, mahupun cabaran daripada luar, menerusi pemikiran dan falsafah globalisasi intelektual Barat (Ummi & Muhammad, 2017). Hal ini dapat dilihat dalam wacana beliau yang menolak konsep '*grand narrative*' atau '*mega narrative*'. Uthman El-Muhammady (2009:2) menegaskan bahawa konsep pemikiran Ahli Sunnah Wal-Jamaah mampu mendepaninya dengan konsep *worldview* tentang alam, tuhan dan manusia dengan menggunakan hujah-hujah yang boleh diterima akal serta boleh dibuktikan dengan cara ilmiah.

Konsep dan doktrin Ahli Sunnah Wal-Jamaah ini sudah pun wujud sejak zaman Nabi S.A.W lagi bahkan telah pun mengkristalkan di dalam bentuk sebuah konsep yang menunggu masa bagi diperluaskan. Keilmuan Uthman El-Muhammady mengungkapkannya bahawa doktrin Ahli Sunnah Wal-Jamaah bukan sahaja pembina kepada peradaban menerusi karya-karya ilmiah daripada pelbagai bidang tetapi juga berjaya dalam membina peradaban dan tamadun yang bersifat material dengan kewujudan seni bina pelbagai monumen, masjid dan sebagainya (Muhammad Uthman, 2008:2). Dalam bukunya yang bertajuk "Doktrin Asha'irah dalam perspektif pembinaan ummah Islamiah: Satu pengamatan awal" telah menerangkan akan pembinaan peradaban manusia dengan mengimarahkan hidup di bumi (Muhammad Uthman, 2009).

### 3.2. Ad-Din

Konsep dan pemikiran *ad-Din* Uthman El-Muhammady adalah bersandarkan kepada lingkungan al-Quran, sunah, qiyas dan ijmak serta beberapa prinsip *al-mashalih al-mursalah* dan perjalanan hidup *Salaf al-Salih* (Muhammad Uthman, 1970). Fauz (2009) menyatakan bahawa falsafah Islam itu seharusnya dalam bentuk *na'at man'ut* (sifat dan yang disifatkan) sehingga bertepatan dengan *al-Falsafah al-Islamiyyah* atau *Falsafatun Islamiyyatun*, yang membawa erti falsafah Islam. Justeru, ketundukan cara berfikir dalam mencari kebenaran dapat menuntut dan menuntun seseorang meraih kepasrahan secara menyeluruh kepada-Nya. Ramai masyarakat yang mengaku bahawa mereka beragama Islam dan



berfahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah, namun dalam wacana mereka kelihatan seperti sering meninggalkan beberapa konsep dan prinsip penting yang menjadi tiang dan struktur serta rupa *al-Dinu al-Islam* seperti *al-Ihsan*, sedangkan *al-Ihsan* itu menjadi pegangan penting dalam pembinaan *al-Dinu al-Islam* bersama-sama dengan Rukun Islam dan Rukun Iman (El-Muhammady, 1989).

Uthman El-Muhammady (2010) melihat laungan slogan agar ummah kembali kepada al-Quran dan sunah sebagai suatu seruan yang baik, akan tetapi hakikatnya mereka bukanlah mahu umat Islam kembali berpegang teguh kepada al-Quran dan sunnah seperti yang dilakukan oleh generasi awal Islam. Mereka lebih berkeinginan dalam memberi kehidupan dan fahaman falsafah baru seperti *Sapere Aude*, Individualisme, Materialisme atau Dahriyyun atau Sekularisme dan Dekonstruksionisme agama dalam semua aspek. Menurut Uthman El-Muhammady, mereka juga mahu menggantikan ajaran golongan Ahli Sunnah Wal-Jamaah ini dengan membuat interpretasi yang baru berdasarkan kepada fahaman dan pemikiran barat seperti *hermeneutik diabolik* atas dasar dan konsep reformasi ataupun progresif barat (Ummi & Muhammad, 2017). Oleh hal yang demikian, seruan untuk kembali kepada al-Quran dan Sunnah pada hakikatnya adalah bagi membina falsafah dan ajaran agama dalam wacana *Liberalisme*, *Libertarianisme* dan *Diabolisme*. Mereka sememangnya berkeinginan membuang segala yang telah di struktur dalam wacana pemikiran Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang sudah terbukti berjaya membangunkan Islam bersama al-Quran dan sunnah 1400 tahun yang lalu (Wan Ismail, 2015). Memetik kata-kata Saidina Ali r.a (Suarni, 2016), kalimat yang benar akan tetapi yang dikehendaki mereka adalah kebatilan.

Penolakan gagasan tersebut juga berikutan terdapat di antara penggerak gagasan tersebut adalah mereka yang berpihak kepada Freemason, seperti Muhammad Abduh dan Jamal ad-Din al-Afghani (Livingstone, 2013). Hal ini dapat di lihat menerusi penulisan Hampher (Ali, 2012) di dalam bukunya "*Memoirs of Mr. Hamper, The British Spy to the Middle East*", "...he (Jamaluddin) went to Egypt, where he become a freemason and was appointed the cheif of the Masonic lodge...and he was succeeded by Muhammad Abdoh..."

Uthman El-Muhammady (2012) menyifatkan keadaan seperti ini berlaku kerana segelintir golongan intelektual dan ulama ketandusan dalam *ruhaniyyah* dan *aqliyah*. Akibatnya mereka terperangkap dalam pemikiran barat. Selain terperangkap dengan fahaman dan pemikiran Muhammad Abduh, Rashid Redha, Jamal ad-Din al-Afghani dengan

slogan reformasi dan pembaharuan atau tajdid, umat Islam juga telah dijangkiti oleh fahaman baru daripada Rashid Ghannouchi, Arkoun, Hasan Hanafi, Fazlul Rahman, Tariq Ramadhan, Nurcholish Madjid dan individu lain dengan aliran dan pemikiran Liberalisme dan *Libertarianisme* dalam setiap dimensi budaya dan pemikiran. Penegasan Uthman El-Muhammady, konsep ijmak itu haruslah dalam skop Ahli Sunnah Wal-Jamaah sahaja. Mengijmakkan selain daripadanya seperti yang ada dalam ajaran dan pemikiran Syiah atau Mutazilah serta pemikiran-pemikiran barat seperti Liberalis dan Pascamodenisme haruslah di jauhi (Ummi & Muhammad, 2017). Di dalam Islam, ijmak menjadi tiang dan dasar penting, serta wajib mengikutinya dan haram bagi mereka yang menolaknya seperti kata Ibn Hazm menjadi kafir jika ditolak (Muhammad Zubayr, 1994). Hal ini turut disepakati oleh Ibn al-Jawzi.

Uthman El-Muhammady berpandangan dewasa ini ramai umat Islam yang tidak menghiraukan bahkan meninggalkan ijmak terutama di kalangan alim ulama yang mengaku Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Hal ini telah membuatkan beliau amat prihatin dan berusaha dengan gigih bagi membangunkan kembali kesedaran tentang wajibnya berpegang kepada ajaran yang menjadi teras ketiga kepada hukum-hakam selepas al-Quran dan sunah. Justeru itu beliau sentiasa berceramah dan menulis dalam pelbagai kesempatan bagi menggerakkan dan membangkitkan kembali pemikiran serta memberi motivasi bagi menghidupkan kembali wacana kewajipan mengikut ijmak. Dalam penulisan Uthman El-Muhammady (2012:2) ada menekankan bahawa, "...ini bukan soal feudalisme atau soal modenis sebagaimana yang terfikir oleh sesetengah pihak, ia prinsip dalam Ahli Sunnah yang diijmak berkurun-kurun lamanya dan ia diperlukan oleh umat, dengan ada alasan-alasan nakal dan akal, alasan *nasdan* alasan intelektual, ia bukan soal ketinggalan zaman. Mereka terpengaruh dengan simpang siur pemikiran Barat (seperti yang digambarkan oleh Frederick Copleston dalam "*History of Philosophy*"nya dalam beberapa jilid itu atau Will Durant dalam "*Story of Philosophy*"nya dan Bertrand Russell dalam "*History of Philosophy*"); orang-orang yang kita terpengaruh seperti itu perlu didedahkan kepada simpang siur pemikiran itu dan akibat-akibatnya hingga sekarang dengan secara objektif dan membandingkannya dengan kestabilan wacana arus perdana Islam dengan ciri-cirinya secara penuh sedar dan objektif."

Uthman El-Muhammady (1982) menghuraikan konsep *ad-Din* sebagai gabungan antara huraian dan analisis secara teoretikal dan falsafah bahkan turut ditekankan tentang amal ibadat *fardiyyah* zahir dan

batin. Dalam menghuraikan takrif dan konsep *ad-Din* ini, beliau tidaklah berlebihan dalam menekankan fahaman *ad-Din* secara falsafah dan tidak juga bersifat retorik seperti sesetengah pihak lakukan sehingga hilang isi sebenar *ad-Din* daripada tujuan hidup beragama (Muhammad Uthman, 1970). Dalam menghuraikan konsep *ad-Din* ini, Uthman El-Muhammady (1970) sangat menekankan tentang empat kriteria utama yang menjadi dasar di dalam wacana Ahli Sunnah Wal-Jamaah iaitu (a) Kesahihan aqidah, (b) Keberkesanan ibadah, (c) Kemantapan kehidupan *Ruhaniyyah*, kesempurnaan akhlak dan adab dan (d) Kekuatan dalam berpegang kepada hukum-hakam terutamanya dalam hal yang telah diijmak dan dilaksanakan secara tertib pada diri, keluarga dan lingkungan.

Selain itu, Uthman El-Muhammady (1989) berpandangan, dengan mengamalkan hidup mengikut ajaran Islam sebagaimana yang diisyaratkan dalam kalimat '*Din*' ini, masyarakat akan memperoleh kelangsungan hidup berdasarkan aturan-aturan yang diwarisi daripada nenek-moyang mereka yang menjalankan kehidupan berteraskan normatif. Bolehlah dianggap bahawa dalam pengertian '*Din*' inilah timbulnya kedudukan hidup manusia yang beragama dalam Islam sebagai bentuk tradisi dalam pengertian yang tepat sepertimana yang pernah dijelaskan oleh pengkaji Tradisional (*Tradisional Studies*), seperti Rene Guenon, dan S.H. Nasr (El-Muhammady, 2005).

### 3.3. **Ruhaniyah Ahli Sunnah Wal-Jamaah**

Pemikiran beliau bukan sahaja dalam aspek *Tasawuf* dan Metafizik Sunni bahkan mencakupi mistik dan metafizik Hindu, Syiah, Kristian, Buddha dan juga *Perennialisme*. Oleh itu, tidaklah keterlaluan seandainya dikatakan sistem serta konsep huraian tasawuf beliau amat hidup. Perkara ini mencerminkan keilmuan dan kehidupan para *Zuhhad* dan *Tasawuf* pada abad Islam klasik di dalam semua aspek kehidupan dan budaya termasuklah dalam perkara seperti ilmu cara hidup, cara berfikir, amalan kehidupan, sikap, penulisan, dakwah, keprihatinan terhadap masyarakat dan sebagainya (Adli, 2017). Justeru, keperibadian *ruhaniyah* El-Muhammady mewakili ciri-ciri keperibadian para sahabat dan tabi'in serta golongan *mutakhirin* seperti Shah Waliyullah Dehlawi (India), Syeikh Daud al-Fathani (Patani) dan Syeikh Abdul Samad al-Falimbani (Palembang) dalam kombinasi keilmuan, amal, penulisan, pendakwaan,

dan jihad dalam kepelbagaian dimensi serta perspektif (Mohd Kamal, 2017).

Sungguhpun beliau tidak terlibat secara langsung dalam peperangan atau *jihad* secara fizikal seperti Syeikh Abdul Samad al-Falimbani, akan tetapi Uthman El-Muhammady telah memilih pendekatan seperti Shah Waliyullah. Beliau memilih untuk mengerakkan masyarakatnya yang sedang dihimpit oleh fahaman materialisme agar mereka dapat kembali menghidupkan dan meningkatkan kualiti *aqliyyah* dan *ruhaniyah* diri dengan kehidupan beragama terutamanya dalam hidup di lingkungan syariat yang sebenar dan memurnikan kembali kehidupan *ruhaniyah* mereka (Black, 2006). El-Muhammady seperti Shah Waliyullah Dehlawi yang tidak akan sesekali menggerakkan masyarakatnya atas dasar dan pemikiran materialisme serta keduniaan, tetapi berteraskan prinsip syariat dan kerohanian yang murni (Norhasliza, 2010).

Perkara ini tidak seperti yang dilakukan oleh pergerakan seperti *civil society* di kalangan masyarakat Islam pada hari ini yang hanya menongkah agama dan nilai-nilai akhlak *ruhaniyah* (Wan Ismail, 2015). Inilah bentuk wacana dakwah Uthman El-Muhammady semenjak tahun 60-an lagi tatkala pada ketika itu, gerakan dakwah dan politik Islam yang masih terpinga-pinga dalam mencari identiti dan falsafah. Perkara ini seiring dengan yang diperkatakan oleh Imam Malik iaitu seseorang manusia itu tidak akan menjadi manusia yang baik melainkan meniru atau mencontohi generasi awal mereka terutama dalam perihal memperbaiki kualiti kehidupan (Rahmat, 2014). Bagi Uthman El-Muhammady (1976), kehidupan *keruhaniyyan* dalam Islam ialah kehidupan yang dilaksanakan di atas dasar ajaran *ruhaniyyah* dan nilai-nilai yang bersifat *rohaninya* (*keruhaniyyah*). Hal ini bermaksud sesuatu yang berdasarkan kepada kesejahteraan roh, berbeza dengan pertimbangan yang menumpukan pada jasad semata-mata.

Sejak dari dahulu lagi, menurut Ismail Mina (2017:2), ketika Uthman El-Muhammady menulis di majalah al-Nur, beliau sudah pun menekankan keperluan kepada berfikir dalam kerangka *keruhaniyan* dan menyarankan agar kehidupan berteraskan kepada *keruhaniyan* Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Di minda beliau, kehidupan *keruhaniyan* adalah teras bagi agama dan keselamatan manusia dan hal ini adalah seiring dengan tuntutan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah, sepertimana yang beliau sering *naqal* daripada wacana-wacana imam kerohanian sunni dan juga dari imam Ghazali (Muhammad Uthman, 1976). Menurut El-Muhammady lagi, segala aktiviti kehidupan di dunia ini haruslah

berdasarkan kepada *keruhaniyan* dan *diruhanikan*. Setiap manusia seharusnya membersihkan hati mereka daripada segala *aghyar* atau dosa serta maksiat. Hal ini penting kerana di situlah bermulanya sumber segala kebaikan dan kejahatan (Muhammad Uthman, 1998).

Bagi menjayakan usaha amalan *keruhaniyan* ini, Uthman El-Muhammady tidak begitu menekankan kepada keperluan bertarekat. Sungguhpun beliau sendiri tidak mengamalkan tarekat tetapi beliau sangat menghormati tarekat yang benar dan berwibawa sepertimana yang dipimpin oleh syeikh-syeikh yang berilmu dan ahli amal yang hidup mengikut syariat (Ismail Mina, 2017). Pendirian beliau ini mirip dengan pendirian seorang ahli sufi dan pendakwah besar pada hari ini iaitu Syeikh Said Hawwa, beliau menegaskan bahawa tidak ada keperluan terhadap tarekat sekiranya ketiadaan Syeikh yang memiliki syarat-syarat seperti yang telah digariskan oleh para guru sufi yang berwibawa (Sharifah, 2012). Syeikh Said menambah lagi, cukup sekadar beramal seperti yang telah dijelaskan di dalam sunnah sahaja dan hal ini tidak dapat disangkal dan diragui lagi kebenarannya dan telah dibuktikan oleh sejarah berkenaan kejayaan mereka yang menjalani kehidupan secara sunnah (Sharifah, 2012).

Uthman El-Muhammady juga menolak pendirian sesetengah golongan *keruhaniyan* yang menyifatkan bahawa mereka yang tidak mengamalkan amalan tarekat tidak akan membawa kepada perkara yang akan mendekatkan diri kepada Allah, melainkan hanya sekadar mendapat pahala (Engku Ahmad, 2007). Uthman El-Muhammady menjelaskan dengan berpendirian bahawa pegangan seperti ini adalah tidak benar, kerana sesiapa sahaja berpeluang untuk berdekatan dengan Allah terutamanya menerusi kebenaran dan keikhlasan, akidah dan ketinggian amalannya (Muhammad Uthman, 1997). Bentuk *keruhaniyan* Uthman El-Muhammady (2010:2) adalah berteraskan kepada rohaniah Quraniyah dan juga Nabawiyah serta tokoh-tokoh *ruhaniyah* yang muktabar seperti al-Qusyairy, al-Muhasibi, al-Ghazali, al-Makki, dan tokoh ahli sunnah yang lain. Oleh itu konsep *Tasawuf* beliau adalah mementingkan perihal seperti ilmu *kasbi*, mengajar ummah, berkarya serta bergiat dalam aktiviti pendakwaan di dalam pelbagai bentuk dan cara sama ada menerusi lisan mahupun penulisan dan menekuni amalan zahir dan batin. Pada pandangan Uthman El-Muhammady perkara seperti ini adalah suruhan dan tuntutan al-Quran dan para anbiya, malah hal ini menjadi pegangan serta prinsip beliau dalam berdakwah (Mohd Amin, 2017).

Di antara perihal penting di dalam pegangan dan ajaran *keruhaniyan* Uthman El-Muhammady ialah beliau sangat mementingkan

adab dan akhlak di dalam wacananya. Hal ini terbukti apabila beliau sendiri ada menulis dan menghuraikan konsep dan sistem akhlak serta adab seperti yang dianjurkan oleh imam al-Ghazali menerusi penulisannya yang bertajuk “Akhlak Dalam Islam”. Selain itu, beliau juga turut mengajar kitab-kitab daripada imam al-Ghazali versi terjemahan seperti “*Siyar al-Salikin*”, “*Risalah al-Qusyairiyyah*” dan juga “Bimbingan Mukminin”, serta menganjurkan masyarakat agar menekuni setiap kitab-kitab tersebut dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian (Muhammad Uthman, 2014).

Dalam membicarakan tentang konsep akhlak dalam bukunya, “Akhlak Dalam Islam”, Uthman El-Muhammady berbicara berkenaan keperluan dalam memahami perkara berkenaan hakikat kejadian manusia, hal ini kerana *khulq* (akhlak) dan *khalq* (makhluk) mempunyai hubungan rapat dari segi sintaksisnya (Muhammad Uthman, 1983). Bagi Uthman El-Muhammady, proses kejadian manusia di lihat menerusi sifat-sifat asas kejadiannya yang tidak akan berubah dan proses ini dianggap sebagai sifat akhlak utama atau dikenali sebagai *al-fadoil*. Di dalam diri setiap manusia, terdapat sifat-sifat yang dimiliki oleh haiwan, iblis, syaitan dan juga malaikat. Hal ini seperti yang di ungkapkan oleh imam al-Ghazali iaitu jiwa manusia mempunyai empat sifat yakni sifat buas, sifat syaitan, sifat kebinatangan dan sifat ketuhanan (Abdul Jamil, 2003). Menerusi penerangan yang lebih jelas daripada imam al-Ghazali (Muhammad Uthman, 1983), menyifatkan sifat iblis dan syaitan itu ialah perkara yang boleh mendatangkan pergaduhan, fitnah dan juga penipuan. Bagi sifat manusia pula, setiap manusia harus terus berusaha bagi menjayakan sifat-sifat malaikat dalam diri menerusi kaedah *mujahadah*. Sifat malaikat itu pula merujuk kepada mencapai sesuatu kebahagiaan dengan mentaati sepenuhnya serta menyangsikan keindahan hadrat tuhan. Hal ini adalah penting memandangkan sifat batin manusia adalah akal nya bukan terletak pada nafsunya, justeru hati merupakan pasangan kepada akal (Muhammad Uthman, 1983).

Perkara ini sangatlah berbeza dengan konsep dan wacana kemanusiaan dalam pemikiran pascamodenisme kerana hal ini tidak dibahaskan langsung dalam wacana mereka. Bagi aliran *Perennialisme* pula seperti yang diutarakan oleh pengasas awal aliran ini, Frithjof Schuon (1987) mempercayai bahawa wujudnya kesatuan yang menjangkau batas agama atau lebih dikenali sebagai *transcendental unity of religion*. Kepercayaan *perennial* ini mendakwa bahawa setiap agama bersatu di suatu tahap *esoterik* (hakikat) iaitu satu tahap hakiki khas (Hasbullah & Yusuf, 2016). Namun hal ini tidak bagi falsafah Ahli

Sunnah wal-Jamaah kerana solat adalah manifestasi akhlak yang terpenting dan tertinggi bahkan konsep dan keseluruhan wacana akhlak aliran Perennial ini tiada kaitan dengan konsep insan seperti yang dibawa dan diuraikan oleh imam al-Ghazali (Azzam, 2012). Inilah wacana El-Muhammady (2002:2) yang menurutnya setiap insan perlu kembali kepada wacana daripada imam al-Ghazali menerusi konteks Ahli Sunnah Wal-Jamaah berikutan falsafah dan doktrinnya adalah benar di sisi Allah SWT dan bertepatan seperti yang diajar oleh Rasul.

#### 4. Kesimpulan

Inilah yang cuba di ketengahkan oleh Uthman El-Muhammady dalam memahami kedudukan dan konsep epistemologi serta aksiologi akhlak di dalam Islam dari perspektif Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Penerangan dan penjelasan yang diberikan oleh beliau benar-benar membuktikan bahawa beliau menolak akan konsep akhlak pascamodenisme yang berdasarkan kepada *deontology of ethics* serta akhlak *neo morality* atau turut dikenali sebagai moral tanpa tuhan. El-Muhammady juga menyampaikan mesej yang jelas kepada umat Islam agar sentiasa mencontohi konsep akhlak imam al-Ghazali, memandangkan beliau sentiasa berpaksikan kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa wacana Uthman El-Muhammady adalah bagi menghidupkan kembali *Sunnah Tarkiyah* iaitu sunnah yang telah lama ditinggalkan. Salah satu di antara sunnah-sunnah tersebut ialah dengan memasang niat di dalam segala aktiviti kehidupan. Hal ini memperlihatkan bahawa Uthman El-Muhammady adalah seorang yang lebih dekat dengan cara tradisional Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Hasil daripada kajian pemikiran akidah Uthman El-Muhammady ini, maka di sinilah terletaknya signifikan yang dilahirkan oleh pemikir di Alam Melayu ini khususnya berkaitan dengan fahaman dan pemikiran agama serta fenomena-fenomena sosio-religio masyarakat Melayu Islam di Malaysia. Beliau dengan sedaya upaya beristiqamah memberi pencerahan di dalam semua perspektif dan dimensi kehidupan beragama dan juga urusan yang berkaitan dengan sifat keduniaan menerusi konteks pemikiran dan falsafah arus perdana, yakni Ahli Sunnah Wal-Jamaah.

#### 5. Rujukan

Abdul Aziz Mohd Zain. (1997). *Pendekatan Dakwah Islamiah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.

- Abdul Halim El-Muhammady. (Bekas Pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia), dalam temu bual dengan penulis, 23 Julai 2017.
- Abdul Jamil Lam al-Qadiri. (2003). Haiwan dan manusia-Sifat khusus membezakannya. *Utusan Malaysia*, Diakses pada 8 November 2016 di [http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0505&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0505&pub=Utusan_Malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm).
- Adli bin Yaacob. (2017). The concept of Islamic literature according to Uthman El-Muhammady *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, vol.1 no. 4 hlm 1-16.
- Ahmad El-Muhammady Bin Muhammad Uthman El-Muhammady. (2017). Matriculation Lecturer, Centre for Islamisation, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dalam temu bual dengan penulis 23 November 2017.
- Ali Abd. Wahid Wafi. (1985). *Ibn Khuldun riwayat dan karyanya*. Diterjemahkan oleh Akhmadi Thoha. Jakarta: Grafiti, hlm 187.
- Asma Binti Muhammad Uthman El-Muhammady. (2017). Assistant Professor, Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dalam temu bual dengan penulis, 6 Oktober 2017.
- Azzam Zamani. (2012). *Imam al-Ghazali kongsi 6 Benda*. Diakses pada 19 April 2017 di <http://azzamzamani.blogspot.my/2012/09/imam-al-ghazali-kongsi-6-benda.html>
- Black, A. (2006). Pemikiran Politik Islam: Dari Masa Nabi Hingga Masa Kini. *The History of Islamic Political Thought: From the Prophet to the Present* (Abdullah Ali & Mariana Ariestyawati) (terj.). Jakarta: Serambi Ilmu Semesta.
- Fauz Noor. (2009). *Berfikir seperti Nabi: Perjalanan menuju kepasrahan*. Yogyakarta: PTLkiS Pelangi Aksara
- Hasbullah & Yusuf Ahmad. (2016). Basis Teologi untuk Pluralisme Beragama; Menimbang Pandangan Kaum Sufi dalam Memahami Tuhan. *Toleransi: Media Komunikasi Umat Beragama*, Vol 8 (1).
- Imlan Adabi. (2013). Uthman El-Muhammady cendekiawan ulung. *Berita Harian*, ms.16. Bertarikh 27 Mac 2013
- Ismail Mina Ahmad. (2014). *Muhammad Uthman El-Muhammady Inteligensia Muslim Kontemporari*. Kuala Lumpur: Muafakat.



- Ismail Mina Ahmad. (2017:2). Gerakan Liberalisme dalam Grand Design Illuminati. Dibentangkan di *Wacana Pemikiran dan Peradaban Ummah ke-9: Liberalisme: Agenda Jahat Illuminati*
- Ismail Mina bin Ahmad. (2017). Pengerusi Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, (MUAFAKAT), dalam temu bual dengan penulis, 6 March 2017.
- Livingstone, D. (2013). *Black Terror White Soldiers: Islam, Fascism & the New Age*. USA: Sabillilah Publications.
- Lotfi Ismail. (1976). *Wawancara eksklusif Lotfi Ismail dengan Muhd. Uthman El Muhammady: teman setiap pembaca roh Islam siri 1*. Kuala Lumpur: Penerbitan Ilham.
- Mariam Hussain. (2017). Balu kepada Muhammad Uthman El-Muhammady, dalam temu bual dengan penulis, 23 November 2017.
- Mohd Amin Hashim. (2017). Bendahari Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia, (MUAFAKAT), dalam temu bual dengan penulis, 7 March 2017.
- Mohd Kamal Hassan. (2017). Bekas Pensyarah di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dalam temu bual dengan penulis, 1 April 2017.
- Mohd. Nasir Omar. (2006). Y. Bhg. Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady (1426H/2005M). *Biografi Tokoh Ma'al Hijrah Peringkat Kebangsaan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1970). *Islam sebagai 'Din'*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1976). *Peradaban dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. (1982). *Akidah Koleksi Dakwah*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1983). *Akhlaq dalam Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1989). *Kebudayaan dalam Pandangan Islam. Forum Pemikir Budaya I*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1997). Fahaman Sesat Tradisi dan Moden mengancam akidah dalam Lokman Abd. Rahman, *Krisis Akidah: Isu dan Cabaran*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka, hlm. 98- 112.

- Muhammad Uthman El-Muhammady. (1998). *The Muslim Society as An Information Society, Islam Development in Asia*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2002) *Tradisi Keilmuan Melayu-Satu Renungan*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2002:2). *Imam Ghazali Tajdidnya Dalam Hubungan dengan Ajaran dan Amalan Tasawwuf*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2005). *Islamic Spirituality in The Contemporary World*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2007). *Akal Ubudiah Bagaimana Menjayakanya: Beberapa Catitan Awal*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2008). *Kerangka Aqidah Tawhid dalam Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2008:2). Building the Human Capital in Malaysia in the context of Malakah in Khuldunian discourse. *Seminar Pembangunan Insan di Malaysia*, pada 8 Januari 2008 di Kuala Lumpur.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2009). *Doktrin Asya'irah dalam perspektif Pembinaan Ummah Islamiyyah: Satu Pengamatan Awal*. Kuala Lumpur: Muafakat
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2009:2). Gerakan Aliran Pemikiran Baru dan Cabarannya kepada Umat Islam. *Seminar Isu-Isu Semasa Tamadun Umat*. Bangi: Universiti Malaya.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2010). *Orientalisme dan Sekularisme*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2010:2). *Pembersihan dan Perkertibangan Diri serta Pengukuhan Rohani Menurut Kaca Mata Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Fajar.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2012:). *Da'wah Sebagai Teras Induk Menegakkan Islam. Wacana Pemikiran dan Beradaban Ummah ke-4*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2012:2). *Dakwah Islamiyyah Sebagai Kekuatan Ummah. Wacana Pemikiran dan Beradaban Ummah ke-4*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2014). *Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah Sebuah Huraian dari Perspektif Sejarah dan Konsep*.

- Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. (2017). *Al-Firqah Al-Najiyah Epistemologi Aqidah Golongan Yang Berjaya*. Kuala Lumpur: Muafakat.
- Muhammad Zubayr Siddiqi. (1994). *Hadith Literature: Its Origin, Development, Special Features*. Calcutta: Calcutta University Press.
- Norhasliza Ramli. (2010). *Wacana Abdul Samad Al-Falimbani dalam Kitab Hidayatus Salikin: Suatu Pandangan dari Sudut Laras Bahasa*.
- Rahmat Abu Zahira. (2014). *Meraih Kembali Kejayaan Islam*. Diakses pada 4 Mac 2017 di <http://hikmahsalaf.blogspot.my/2014/01/meraih-kembali-kejayaan-islam.html>
- Schuon, F. (1987). *The Trancendent Unity of Religion*. United State: Quest Books Theosophical Publishing House.
- Shakila Ahmad, Mikdar Rushdi & Rafiuddin Afkari Abdul Fatah. (2011). *Usaha Memartabatkan Akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah Sebagai Pemangkin Kelangsungan Masyarakat Islam Madani Di Malaysia*.
- Suarni. (2016). Pembaharuan Pemikiran Keagamaan: Studi Terhadap Pemikiran Keagamaan Fazlur Rahman. *Substantia Jurnal*. Vol. 18 (1) hlm. 101-108.
- Syaikh Muhammad bin Shalih al-Utsaimin. (2010). *Penjelasan Inti Ajaran Islam*. Diterjemahkan oleh A.Q. Khalid. Jakarta: Pustaka Arafah.
- Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan. (2017). *Bingkai Aliran Pemikiran Muhammad Uthman El-Muhammady: Inteligensia Muslim Kontemporari*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Wan Ismail Wan Dagang. (2015). *Ancaman Pemikiran Aliran Islam Liberal Kepada Umat Islam di Nusantara: Satu Sorotan Kajian*. Fakulti Tamadun Islam, UTM.
- Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia. (2013). *Ustaz Dr. Muhammad Uthman El-Muhammady: Pejuang tegar Ahli Sunnah wal Jamaah*, di akses pada 17 Disember 2016 di <http://www.yadim.com.my/v2/?p=24747>

- Zakaria Stapa. (2014). YBHG Ustaz Datuk Uthman El-Muhammady 1943-2013. *Muhammad Uthman El-Muhammady Inteligencia Muslim Kontemporari*. Kuala Lumpur: MUAFAKAT.
- Zulkifli Dahalan. (2008). Al-Rahmaniah: Sejarah dan Peranan. *ESTEEM: Academic Journal UiTM Pulau Pinang*. Vol. 4, No. 2, hlm. 133.